



## KENYATAAN MEDIA YAB KETUA MENTERI SABAH

### PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DI NEGERI SABAH

Kerajaan Negeri menyambut baik dan menyokong keputusan perisytiharan darurat oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Panduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berkuatkuasa mulai 11 Januari 2021 sehingga 01 Ogos 2021.

Selaras dengan keputusan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Negeri Sabah untuk tempoh 14 hari bermula 13 Januari 2021 hingga 26 Januari 2021 yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 11 Januari 2021, Kerajaan Negeri telah menetapkan pelaksanaan perkara-perkara berikut:

#### A. SEKTOR PENGILANGAN DAN PEMBUATAN, PEMBINAAN, PERKHIDMATAN, PERDAGANGAN DAN PENGEDARAN, SERTA PERLADANGAN DAN KOMODITI

Semua aktiviti di bawah sektor pengilangan dan pembuatan, pembinaan, perkhidmatan, perdagangan dan pengedaran, serta perladangan dan komoditi dan rangkaianya **DIBENARKAN** beroperasi mengikut senarai di bawah perkhidmatan perlu (*essential services*).

Standard Operating Procedure (SOP) akan disediakan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

**Kehadiran Bekerja :** **Tidak melebihi 30% bagi kumpulan pengurusan dan tidak melebihi 50% bagi kumpulan pekerja sokongan.**

**Waktu operasi : 6.00 pagi hingga 8.00 malam**

**“SABAH MAJU JAYA”**

## **B. SEKTOR PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Operasi hotel dan penginapan **DIBENARKAN** tetapi tetamu perlu berada di bilik penginapan dan tempahan makanan secara *room service* sahaja. Penggunaan kemudahan hotel seperti gymnasium, kolam renang, bilik mesyuarat, dewan makan, spa dan lain-lain tidak dibenarkan.

Semua aktiviti pelancongan dan kebudayaan adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

## **C. SUKAN DAN REKREASI**

Semua aktiviti sukan dan rekreasi adalah **TIDAK DIBENARKAN** sepanjang tempoh PKP di Sabah kecuali aktiviti riadah dengan 2 orang anggota dari isi rumah yang sama sahaja seperti *jogging* dalam kawasan kejiranan dan berbasikal secara bersendirian tidak melebihi 10 km dari tempat kediaman.

## **D. SEKTOR PERKHIDMATAN IKHTISAS DAN PROFESSIONAL**

Aktiviti yang **DIBENARKAN** di bawah sektor perkhidmatan ikhtisas dan profesional serta rangkaianya adalah perkhidmatan oleh Jurutera, Peguam, Arkitek, Akauntan, Perunding Kewangan, Jurunilai, Juruukur Bahan, Juruukur Tanah, Ahli Farmasi, Kaunselor, Ahli Geologi, *Dietrician*, *Dentist*, Juru Fisioterapi, Optometris, *Odiologist*, Veterinar, Doktor Perubatan dan Doktor Pakar dan lain-lain perkhidmatan ikhtisas dan profesional yang berdaftar dengan Badan Professional masing-masing.

Semua perkhidmatan ikhtisas dan profesional hendaklah mematuhi *Standard Operating Prosedure (SOP)* Kementerian Kesihatan Malaysia dan pihak berkuasa yang berwibawa (*competent authority*)

## **E. KEDAI MAKAN, CAFE, RESTORAN DAN GERAI MAKAN**

Aktiviti pembekalan atau penjualan makanan di restoran, cafe, kedai / gerai makan, kenderaan saji (*food truck*), penjaja dan medan selera hanya **DIBENARKAN** beroperasi secara bawa pulang (*take away*) atau pandu lalu sahaja.

**Waktu operasi : 6.00 pagi hingga 8.00 malam**

*Dine-in* tidak dibenarkan.

## **F. PERKHIDMATAN PENGHANTARAN BARANGAN DAN MAKANAN**

Perkhidmatan penghantaran (delivery) barang dan makanan **DIBENARKAN** beroperasi mulai jam 6.00 pagi hingga 9.00 malam.

## **G. PERGERAKAN MERENTAS NEGERI DAN DAERAH**

- (1) Pergerakan merentas negeri dan daerah di Negeri Sabah adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- (2) Hanya individu yang menjalankan perkhidmatan perlu (*essential services*), kes kecemasan dan perubatan **DIBENARKAN** tertakluk kepada *Standard Operating Prosedure (SOP)* Perintah Kawalan Pergerakan.
- (3) Dua (2) orang sahaja wakil isi rumah dibenarkan keluar untuk mendapatkan bekalan makanan, ubat, penokok diet dan keperluan asas dalam radius tidak melebihi 10 kilometer dari kediamannya.
- (4) Pergerakan untuk mendapatkan perkhidmatan jagaan kesihatan atau perubatan adalah dibenarkan.
- (5) Pergerakan merentas daerah adalah **TIDAK DIBENARKAN** kecuali bagi **kes kecemasan** seperti kematian atau bencana alam.
- (6) Pergerakan merentas daerah bagi pekerja perkhidmatan perlu (*essential services*) bagi tujuan pergi dan balik dari tempat kerja atau menjalankan urusan rasmi adalah **DIBENARKAN** dengan syarat **menunjukkan pas kerja** atau **surat kebenaran daripada majikan**.

## **H. PENGANGKUTAN AWAM**

- (1) Perkhidmatan pengangkutan awam merentas daerah seperti bas ekspres **TIDAK DIBENARKAN** beroperasi.
- (2) Perkhidmatan pengangkutan awam dalam daerah yang sama adalah **DIBENARKAN** dari jam 5.00 pagi hingga 9.00 malam dengan pematuhan penjarakan fizikal di dalam kenderaan tersebut serta pemakaian pelitup muka seperti berikut:
  - (a) Perkhidmatan bas henti-henti dan bas sekolah dalam daerah dengan **kapasiti 50% penumpang**;
  - (b) Perkhidmatan teksi / *e-hailing* dalam daerah (**maksimum hanya 2 penumpang**)

**I. OPERASI PEJABAT KERAJAAN / AGENSI / BADAN BERKANUN / PIHAK BERKUASA TEMPATAN / SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN (GLC) NEGERI**

Mulai 13 Januari 2021 (Rabu), kapasiti kehadiran ke pejabat adalah pada 30% bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan kehadiran Kumpulan Sokongan tidak melebihi 50%.

**J. TASKA, TADIKA DAN PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK**

Taska, tadika dan pusat jagaan kanak-kanak yang berdaftar adalah **DIBENARKAN** beroperasi.

Kerajaan Negeri sekali lagi mengingatkan penduduk di Negeri ini untuk terus mengamalkan penjaraikan fizikal, memakai penutup hidung dan mulut serta sentiasa menggunakan sanitizer dalam semua urusan sehari-hari untuk keselamatan diri, keluarga dan komuniti.

Sekian.

**YAB KETUA MENTERI SABAH**

12 Januari 2021

**“SABAH MAJU JAYA”**